



GARIS PANDUAN



PELAKSANAAN PEMBANGUNAN BERORIENTASIKAN TRANSIT (TOD) DI NEGERI PULAU PINANG



Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang
(PLAN Malaysia Pulau Pinang)

Pemberitahuan

Garis Panduan Pelaksanaan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) Di Negeri Pulau Pinang ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil 5/2024.

Garis Panduan ini disediakan selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

Pelaksanaan garis panduan ini menjadi rujukan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam melaksanakan mekanisma atau alat kawalan pembangunan dalam menentukan kawasan Transit Oriented Development (TOD) di Negeri Pulau Pinang.

Rujukan juga dibuat ke atas garis panduan perancangan lain yang telah disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang dan diterima pakai diperingkat Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Garis Panduan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) Negeri Pulau Pinang ini berkuatkuasa pada **01 Jun 2024**

SENARAI KANDUNGAN	i
SENARAI JADUAL	ii
SENARAI RAJAH	iii
SENARAI FOTO	iv
SENARAI LAMPIRAN	v

BAB 1.0

Pengenalan

1-0

1.1	PENDAHULUAN	1-1
-----	-------------	-----

BAB 2.0

Prinsip dan Pembangunan TOD

2-0

2.1	PRINSIP PEMBANGUNAN TOD	2-1
2.2	JENIS TOD	2-2
2.3	ZON PENGARUH TRANSIT	2-3

BAB 3.0

Kajian Rintis TOD Terhadap Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong

3-0

3.1	TINJAUAN RINTIS TERMINAL BAS EKSPRES SG. NIBONG	3-1
-----	---	-----

BAB 4.0

Penutup

4-0

4.1	PENUTUP	4-1
-----	---------	-----

SENARAI JADUAL

- Jadual 2.1** : Prinsip Perancangan TOD
- Jadual 3.1** : Dapatan kajian rintis TOD terhadap Terminal Bas ekspres Sungai Nibong
- Jadual 3.2** : Keseluruhan Jenis Guna Tanah dalam Zon Pengaruh Transit (0 – 1500 m)

SENARAI RAJAH


- Rajah 2.1** : Jenis-Jenis TOD sebagai rujukan pembangunan TOD di kawasan Pulau Pinang
- Rajah 2.2** : Gambaran Jarak ZPT dan Prinsip Pembangunan TOD untuk Negeri Pulau Pinang

SENARAI FOTO

- Foto 1.0** : Jenis mod pengangkutan di sekitar Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong
- Foto 2.0** : Kawasan perletakkan kenderaan di sekitar Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1** : Pelan Zon Pengaruh Transit TOD - Teras (0 - 400m), Utama (400m - 800m) dan Sekunder (800m - 1,500m)
- Lampiran 2** : Pelan Rangkaian Jalan Raya dan Persimpangan (Kesaling Hubungan) dan Aksesibiliti Dalam Zon Pengaruh Transit
- Lampiran 3** : Pelan Kesesakan Lalu Lintas Dalam Zon Pengaruh Transit
- Lampiran 4** : Pelan Jenis Guna Tanah Dalam Zon Pengaruh Transit – Teras (0 - 400m)
- Lampiran 5** : Pelan Jenis Guna Tanah Dalam Zon Pengaruh Transit - Utama (400m - 800m)
- Lampiran 6** : Pelan Jenis Guna Tanah Dalam Zon Pengaruh Transit – Sekunder (800m - 1,500m)
- Lampiran 7** : Pelan Taburan Perumahan Dalam Zon Pengaruh Transit - Teras (0 - 400m)
- Lampiran 8** : Pelan Taburan Perumahan Dalam Zon Pengaruh Transit - Utama (400m - 800m) dan Sekunder (800m - 1,500m)
- Lampiran 9** : Pelan Taburan Kawasan Perniagaan Dalam Zon Pengaruh Transit – Teras (0 - 400m), Utama (400m - 800m) dan Sekunder (800m - 1,500m)
- Lampiran 10** : Pelan Jenis Guna Tanah Dalam Zon Pengaruh Transit - Teras (0 - 400m), Utama (400-800m) dan Sekunder (800-1,500m)
- Lampiran 11** : Pelan Taburan Kemudahan Masyarakat Dalam Zon Pengaruh Transit - Teras (0-400m), Utama (400-800m) dan Sekunder (800-1,500m)
- Lampiran 12** : Senarai Semakan Penilaian Cadangan Transit Pengangkutan Awam Bagi Pelaksanaan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) Negeri Pulau Pinang



BAB 1 PENGENALAN






1.1 PENDAHULUAN

Kepesatan pembangunan projek infrastruktur pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang pada masa kini telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan *Transit Oriented Development* (TOD). Oleh itu, Jabatan Perancangan Bandar & Desa (JPBD) Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia Pulau Pinang) bertanggungjawab untuk menyediakan satu garis panduan bagi pembangunan TOD sebagai mekanisme atau alat kawalan pembangunan ini. Oleh itu, garis panduan ini dapat membantu PLANMalaysia Pulau Pinang menentukan kawasan TOD yang bersesuaian dan memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditentukan dalam kajian ini. Sehubungan itu, satu kajian tinjauan rintis telah dijalankan terhadap Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong bagi mengkaji dan menilai secara terperinci kesesuaian terminal tersebut bagi menentukan kebolehlaksanaan stesen LRT yang berfungsi dan berperanan sebagai pembangunan berorientasikan transit (TOD).

Selain itu, garis panduan ini bertujuan untuk memandu perancangan pembangunan berorientasikan transit (*Transit Oriented Development* – TOD) di kawasan stesen pengangkutan awam, bagi meningkatkan kualiti kehidupan dan daya saing kawasan di sekitar stesen tersebut. Oleh itu, pembangunan TOD adalah penting dalam usaha untuk menguruskan pembangunan yang pelbagai di dalam kawasan yang berkepadatan tinggi. Sekali gus dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk menggunakan kemudahan transit, berjalan kaki dan berbasikal di dalam kawasan TOD, menambahbaik perkhidmatan kemudahan transit melalui peningkatan perkhidmatan pengguna, mengurangkan tempoh bergerak menggunakan kenderaan bagi seisi rumah sebanyak 20 peratus, menghadkan penggunaan keluasan tanah yang luas dalam proses pembangunannya, meningkatkan dan menghidupkan kembali bandar serta kawasan yang terbiar melalui laluan destinasi berasaskan transit serta penyediaan rumah mampu milik melalui pembangunan TOD.

Kesimpulannya, pembangunan TOD dapat dilihat membantu meningkatkan tahap ekonomi dan mewujudkan masyarakat yang mengamalkan daya hidup yang sihat. Antara kelebihan yang lain termasuklah mengoptimumkan penggunaan kemudahan transit, menggalakkan pembangunan berkepadatan tinggi, mengukuhkan aset pasaran semasa, meningkatkan penggunaan mod pengangkutan yang tidak bermotor dan aspek pembangunan mampan termasuklah sosial, ekonomi dan alam sekitar.



BAB 2

PRINSIP & PEMBANGUNAN TOD






Dalam kajian TOD di Pulau Pinang ini telah mengambil kira asas prinsip pembangunan TOD mengikut Garis Panduan Perancangan (GPP028) Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD), 2018, PLANMalaysia yang mengandungi sembilan (9) prinsip perancangan meliputi:



P1 Pelbagai (Diverse)
Pembangunan kegunaan bercampur (mixed used)



P2 Intensiti Tinggi (High Intensity)
Pembangunan padat dan berdensiti tinggi



P3 Bersambung (Connected)
Ketersambungan



P4 Inklusif (Inclusive)
Pembangunan inklusif



P5 Berdaya Huni (Liveable)
Persekitaran kehidupan yang berdaya huni



P6 Berdaya Tahan (Resilient)
Persekitaran dan reka bentuk bandar yang boleh diubah suai (adaptable)



P7 Pintar (Smart)
infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)



P8 Hijau & Rendah Karbon (Green & Low Carbon)
Pengaplikasian teknologi hijau



P9 Mengoptimumkan Sumber (Optimise Resources)
Mengutamakan pembangunan semula tapak, ruang dan bangunan



Manakala, perincian bagi setiap prinsip perancangan TOD tersebut boleh dirujuk pada **Jadual 2.1** di bawah.

Jadual 2.1: Prinsip Perancangan TOD

PRINSIP PERANCANGAN	PENERANGAN
<p>P1 Pelbagai (<i>Diverse</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Melalui pembangunan kegunaan bercampur, TOD telah menggalakkan lebih ramai penduduk di dalam kawasan sekitar pembangunannya bagi meningkatkan penggunaan kemudahan transit ▪ Mewujudkan pelbagai kegunaan tanah dan aktiviti yang saling menyokong, mesra komuniti dan aktif 24 jam. ▪ Penyediaan pembangunan kegunaan bercampur ini juga secara tidak langsung telah meminimumkan perjalanan ke sesuatu perkhidmatan yang disediakan.
<p>P2 Intensiti Tinggi (<i>High Intensity</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menumpukan pembangunan berintensiti tinggi di stesen dan sekitarnya. ▪ Densiti pembangunan adalah semakin tinggi ke arah stesen transit
<p>P3 Bersambung (<i>Connected</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Diwujudkan antara rangkaian jalan dan lintasan yang menghubungkan pengguna dengan kawasan sekeliling blok-blok bangunan ▪ Pilihan mod pengangkutan untuk bergerak di dalam kawasan TOD seperti <i>feeder bus</i>, basikal dan pejalan kaki
<p>P4 Inklusif (<i>Inclusive</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyediakan kediaman dan peluang ekonomi serta persekitaran yang bebas halangan untuk semua rakyat ▪ memastikan semua golongan terpinggir seperti golongan kurang upaya, pendapatan sederhana dan rendah termasuk sebagai pihak berkepentingan dalam proses pembangunan TOD
<p>P5 Berdaya Huni (<i>Liveable</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyediakan kemudahan masyarakat dan kawasan lapang yang mencukupi ▪ Mewujudkan imej dan identiti yang tersendiri serta mengekalkan sumber warisan yang unik
<p>P6 Berdaya Tahan (<i>Resilient</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mewujudkan persekitaran, reka bentuk bangunan dan infrastruktur pengangkutan awam yang boleh diubah suai (<i>adaptable</i>) untuk memenuhi keperluan dan perubahan masa hadapan serta berdaya tahan terhadap ancaman bencana alam dan buatan manusia
<p>P7 Pintar (<i>Smart</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyediakan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berkeupayaan tinggi dan stabil
<p>P8 Hijau dan Rendah Karbon (<i>Green & Low Carbon</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyediakan infrastruktur yang mengaplikasikan teknologi hijau ▪ Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan gaya hidup hijau dan rendah karbon
<p>P9 Mengoptimumkan Sumber (<i>Optimise Resources</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengutamakan pembangunan semula tapak <i>brownfield</i> di TOD ▪ Penggunaan tapak atau ruang yang kecil secara kreatif dan menggalakkan adaptasi semula bangunan usang atau terbiar untuk kegunaan baru

Sumber: *Garis Panduan Perancangan (GPP028) Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD), 2018, PLANMalaysia*



2.2 JENIS TOD

Dalam kajian TOD di Pulau Pinang ini telah mengambil kira asas prinsip pembangunan TOD mengikut Garis Panduan Perancangan (GPP028) Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD), 2018, PLANMalaysia yang mengandungi sembilan (9) prinsip perancangan meliputi pada **Rajah 2.1** tersebut.


TOD 1 (PUSAT BANDAR RAYA/ BANDAR WILAYAH)	TOD 2 (PUSAT DAERAH/ BANDAR UTAMA)	TOD 3 (PUSAT PETEMPATAN/ PUSAT AKTIVITI)	TOD 4 (KEJIRANAN BANDAR & PEKAN)
KRITERIA PEMBANGUNAN	KRITERIA PEMBANGUNAN	KRITERIA PEMBANGUNAN	KRITERIA PEMBANGUNAN
<ul style="list-style-type: none"> Potensi bagi pembangunan berkepadatan dan berintensiti tinggi yang mempunyai pengangkutan transit multi-modal perkhidmatan inter-wilayah. Pembangunan berkepentingan negara dan wilayah. Di kawasan tumpuan aktiviti khas (<i>specialised activity area</i>). 	<ul style="list-style-type: none"> Potensi bagi pembangunan berkepadatan dan berintensiti sederhana tinggi yang mempunyai pengangkutan transit inter-wilayah dan antara bandar. Pembangunan berkepentingan negeri atau bandar utama. Di kawasan tumpuan aktiviti khas. 	<ul style="list-style-type: none"> Potensi bagi pembangunan berkepadatan dan berintensiti sederhana yang mempunyai terminal LRT/MONOREL/KOMUTER-ETS atau lain-lain mod pengangkutan transit berkapasiti dan berfrekuensi tinggi dalam daerah atau kawasan komersial utama. Di kawasan tumpuan aktiviti khas. 	<ul style="list-style-type: none"> Potensi bagi pembangunan berkepadatan dan berintensiti sederhana rendah yang mempunyai terminal BRT atau lain-lain mod pengangkutan transit berkapasiti dan berfrekuensi tinggi dalam zon perbandaran (kejiranan) dan di pekan utama kawasan luar bandar. Di kawasan tumpuan aktiviti khas.
LOKASI STESEN	LOKASI STESEN	LOKASI STESEN	LOKASI STESEN
Hub atau terminal pengangkutan awam	Stesen Pertukaran (<i>interchange station</i>)	Stesen asal (<i>origin station</i>)	Stesen asal (<i>origin station</i>)
INDIKATOR INTENSITI PEMBANGUNAN TOD			
CONTOH PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM	CONTOH PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM	CONTOH PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM	CONTOH PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM
<ul style="list-style-type: none"> Transit Utama 	<ul style="list-style-type: none"> Transit Utama 	<ul style="list-style-type: none"> Transit Utama 	<ul style="list-style-type: none"> Transit Utama
<ul style="list-style-type: none"> Transit Sekunder/<i>Feeder</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Transit Sekunder/<i>Feeder</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Transit Sekunder/<i>Feeder</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Transit Sekunder/<i>Feeder</i>

Rajah 2.1: Jenis-Jenis TOD sebagai rujukan pembangunan TOD di kawasan Pulau Pinang




2.3 ZON PENGARUH TRANSIT

Penentuan bagi intensiti pembangunan di sekitar kawasan Pulau Pinang akan merujuk kepada zon pengaruh transit (ZPT) sebagai kawasan yang menerima impak yang besar dari pembangunan stesen baru atau stesen sedia ada. Terdapat tiga (3) zon ZPT yang meliputi **ZPT Teras (Core)**, **ZPT Utama (Primary)** dan **ZPT Sekunder (Secondary)** yang boleh dirujuk pada **Rajah 2.2** tersebut. Oleh itu, dapat digambarkan impak terhadap peningkatan intensiti pembangunan yang berhampiran dengan stesen mengikut zon ZPT termasuk perubahan kepada penggunaan mod pengangkutan awam berbanding mod persendirian.



ZON PENGARUH TRANSIT (ZPT)	JARAK DARI STESEN	PERINCIAN
TERAS (CORE)	0 – 400 m	<ul style="list-style-type: none"> ZPT ini meliputi kawasan di antara titik tengah bangunan stesen hingga 400 m dari stesen, termasuk ruang di atas dan di bawah stesen.
UTAMA (PRIMARY)	400 – 800 m	<ul style="list-style-type: none"> ZPT ini meliputi kawasan di antara 400 m dari stesen hingga 800 m dari stesen.
SEKUNDER (SECONDARY)	800 m – 1.5 km	<ul style="list-style-type: none"> ZPT ini meliputi kawasan di antara 800 m dari stesen hingga 1.5 km dari stesen. 1.5 km ialah jarak liputan perkhidmatan bas pengantara (<i>feeder bus</i>) LRT. Bagi mod pengangkutan awam berkelajuan tinggi (<i>high speed</i>), zon pengaruhnya boleh diperluaskan melebihi jarak 1.5 km.

Rajah 2.2: Gambaran Jarak ZPT dan Prinsip Pembangunan TOD untuk Negeri Pulau Pinang



BAB 3

KAJIAN RINTIS TOD

TERMINAL BAS EKSPRES SUNGAI NIBONG





3.1 TINJAUAN RINTIS TERMINAL BAS EXPRESS SG. NIBONG

Tinjauan rintis ini adalah bertujuan untuk mengkaji dan menilai secara terperinci kesesuaian terminal tersebut bagi menentukan kebolehlaksanaan stesen LRT yang dapat berfungsi dan berperanan sebagai pembangunan berorientasikan transit (TOD). Sehubungan itu, terdapat beberapa indikator yang telah dikenal pasti bagi menilai ciri-ciri TOD berdasarkan kepada prinsip-prinsip pembangunan TOD yang telah ditentukan mengikut Garis Panduan Perancangan (GPP028) Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD), 2018, PLANMalaysia.

Jadual 3.1: Dapatan kajian rintis TOD terhadap Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong


Bil	INDIKATOR TOD	ANALISIS & PENEMUAN (FINDING)	KETERANGAN
(a) TRANSIT DAN MOD PENGANGKUTAN AWAM			
1.	Transit TOD	Stesen LRT	<ul style="list-style-type: none"> Cadangan stesen dan laluan perkhidmatan LRT
2.	Jenis Pengangkutan Awam Utama (TOD)	Pengangkutan berasaskan Rel (Berkapasiti dan Berfrekuensi Tinggi)	<ul style="list-style-type: none"> Jaringan pengangkutan awam yang amat baik serta mampu untuk menampung pembangunan berkepadatan tinggi dan bercampur.
3.	Mod Pengangkutan Awam	<p>Mod pengangkutan awam terdiri daripada bas express, bas berhenti-henti dan teksi/E-hailing.</p> 	<ul style="list-style-type: none"> Kawasan bandar yang turut dihubungkan ke kawasan hub wilayah (Pantai Timur, Lembah Klang dan Wilayah Selatan) melalui Perkhidmatan Bas Ekspres dan Bas berhenti-henti menghubungkan kawasan bandar dan petempatan utama sekitar Pulau Pinang

Foto 1.0: Jenis mod pengangkutan di sekitar Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong





Sambungan

Jadual 3.1: Dapatan kajian rintis TOD terhadap Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong

Bil	INDIKATOR TOD	ANALISIS & PENEMUAN (FINDING)	KETERANGAN
(a) TRANSIT DAN MOD PENGANGKUTAN AWAM			
4.	Jenis /Typology TOD	<p>Berpotensi sebagai TOD intensiti Sederhana (Bandar Utama/ Pusat Daerah, Pusat Tempatan Bandar dan Kejiranan)</p> <p><i>*Nota: sila rujuk pada Lampiran 1</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bayan Mutiara 2. Sungai Dua 3. Sungai Nibong 4. Bukit Jambul 5. Pantai Jerjak 6. Dan lain-lain kawasan kejiranan bandar dalam ZPT Maksimum 1.5KM
5.	Peranan dan Fungsi TOD	<p>Berpotensi memberi perkhidmatan pengangkutan transit inter-wilayah dan antara bandar</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Rangkaian perkhidmatan bas ekspres dan rangkaian laluan bas henti-henti dan di bantu dengan perkhidmatan teksi dan e-hailing





Sambungan

Jadual 3.1: Dapatan kajian rintis TOD terhadap Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong

Bil	INDIKATOR TOD	ANALISIS & PENEMUAN (FINDING)	KETERANGAN
b) SISTEM PERHUBUNGAN DAN RANGKAIAN JALAN RAYA (BERASASKAN JALAN RAYA)			
1.	Rangkaian Jalan Raya dan Persimpangan	<p>Liputan rangkaian jalan raya yang menyeluruh dan persimpangan yang banyak dalam menyuraikan aliran lalu lintas termasuk pengurusan trafik</p> <p><i>*Nota: sila rujuk pada Lampiran 2</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> Jalan utama melibatkan Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Bukit Gambir, Jalan Tun Dr Awang, Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan lain-lain lagi. Terdapat 24 persimpangan utama
2.	Kesalinghubungan (Connectivity)	<p>Mempunyai connectivity melalui liputan rangkaian jalan raya bagi menghubungkan kawasan bandar, kejiranan bandar dan petempatan utama.</p> <p><i>*Nota: sila rujuk pada Lampiran 2</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> Sistem perhubungan yang baik melalui jalan raya dan persimpangan sedia ada
3.	Aksesibiliti dan Kemudahsampaian	<p>Mempunyai aksesibiliti dan kemudahsampaian yang baik dan mudah untuk kenderaan keluar masuk di kawasan TOD</p>	<ul style="list-style-type: none"> Jalan Sultan Azlan Shah merupakan laluan utama dan mempunyai connectivity bagi sistem perhubungan dalam Pulau Pinang dan luar Pulau Pinang melibatkan 2 jambatan menghubungkan Seberang Perai dan negeri Kedah dan Perak





Sambungan

Jadual 3.1: Dapatan kajian rintis TOD terhadap Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong

Bil	INDIKATOR TOD	ANALISIS & PENEMUAN (FINDING)	KETERANGAN
b) SISTEM PERHUBUNGAN DAN RANGKAIAN JALAN RAYA (BERASASKAN JALAN RAYA)			
4.	Tahap Perkhidmatan Jalan dan Simpang (LOS)	<p>Keperluan dan signifikan cadangan TOD berdasarkan kepada kesesakan lalu lintas di jalan-jalan utama. Dengan cadangan TOD dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas yang berlaku selain daripada skim penambahbaikan trafik dan lalu lintas.</p> <p><i>*Nota: sila rujuk pada Lampiran 3</i></p>	Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Tun Dr Awang, Jalan Bukit Gambir dan Jalan Sg. Dua antara jalan-jalan utama yang berlaku kesesakan lalu lintas pada waktu kemuncak.
5.	Skim Penambahbaikan Lalu Lintas dan Trafik	<p>Keperluan untuk menjalankan Kajian TIA di kawasan TOD dan jalan-jalan utama selain mengambil kira 'modal split' dengan cadangan TOD</p>	<p>Mempunyai ROW yang mencukupi untuk menaiktaraf jalan raya dan persimpangan termasuk <i>contribution</i> daripada Pemaju-Pemaju bagi memastikan kelancaran trafik dan menaik taraf jalan raya dan persimpangan</p> <p>Terdapat 5 pemaju yang komited iaitu;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. JKR HQ (Naik Taraf Jalan Sg Dua – Projek Ibu Pejabat IPD Polis Pulau Pinang 2. Premierview Property Sdn Bhd – Naik Taraf Jalan Sultan Azlan Shah 3. Hunza Reality Sdn Bhd – Naik taraf Jalan Tun Dr Awang 4. Vona Parkcity Sdn Bhd dan Ideal Property Sdn Bhd – Naik Taraf Jalan Bukit Gambir 5. GIM Property Sdn Bhd – Naik taraf Persiaran Bayan Indah dan Jalan Bayan Indah






Sambungan

Jadual 3.1: Dapatan kajian rintis TOD terhadap Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong

Bil	INDIKATOR TOD	ANALISIS & PENEMUAN (FINDING)	KETERANGAN
c) KEPADATAN (DENSITY)			
1.	Penduduk/ Isi rumah	Kepadatan penduduk @ TOD 400M – 108 penduduk/ekar	<p>Maklumat TOD 400meter</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ 1,242 unit rumah ✓ 43.46 ekar , ✓ 4,719 penduduk <p><u>Kepadatan Penduduk DBKL (contoh)</u> TOD 0-400m - 300 penduduk/ekar</p> <p><i>*Nota: sila rujuk pada Lampiran 4 dan Lampiran 7</i></p>
2.	Kediaman	<p>Kepadatan kediaman @ TOD 400M – 29 unit/ekar</p> <p><u>Keluasan (ekar)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. ZPT 400m – 43.46 ekar 2. ZPT 401-800m – 201.83 ekar 3. ZPT 801-1500m – 381.13 ekar <p>Potensi Pembangunan Masa Depan – Tapak Pesta Pulau Pinang, Tanah Kosong (126.29 ekar) dan bangunan lama (Pembangunan Semula)</p>	<p>Terdapat petempatan melibatkan taman perumahan dan kampung;</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ ZPT 0-400m – 14 taman perumahan/kampung ✓ ZPT 401-800m – 46 taman perumahan/kampung ✓ ZPT 801-1500m -53 taman/kampung <p><u>Kepadatan Perumahan DBKL (contoh)</u> TOD 400m – 70-80 unit/ekar</p> <p><i>*Nota: sila rujuk pada Lampiran 5 dan Lampiran 8</i></p>
3.	Komersial/ Perniagaan	<p>Kurang kawasan aktiviti perniagaan</p> <p><u>Keluasan (Hektar)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. ZPT 400m – 5.16 ekar 2. ZPT 401-800m – 17 ekar 3. ZPT 801-1500m – 77.44 ekar <p>Potensi Pembangunan Masa Depan – Tapak Pesta Pulau Pinang, Tanah Kosong (126.29 ekar) dan bangunan lama (Pembangunan Semula)</p>	<p>Terdapat beberapa kawasan aktiviti perniagaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ ZPT 0-400m – 7 kawasan ✓ ZPT 401-800m – 7 kawasan ✓ ZPT 801-1500m -16 kawasan <p>Aktiviti perniagaan dan industri (perkhidmatan) di sepanjang Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Sungai Dua, Persiaran Bayan Indah (<i>Queenbay shopping Complex</i>), Jalan Bayan Indah, Jalan Bukit Gambir, Jalan Tun Dr Awang (Bukit Jambul Kompleks), Jalan Aziz Ibrahim, Jalan Pekaka, Jalan Pantai Jerjak, Jalan Sungai Nibong dan Tapak Pesta Pulau Pinang.</p> <p><i>*Nota: sila rujuk pada Lampiran 6 dan Lampiran 9</i></p>

KEPADATAN





Sambungan

Jadual 3.1: Dapatan kajian rintis TOD terhadap Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong

Bil	INDIKATOR TOD	ANALISIS & PENEMUAN (FINDING)	KETERANGAN
d) KEPELBAGAIAN (DIVERSITY) & REKABENTUK BANDAR			
1.	Taburan Guna tanah	<p>Kurang pembangunan perumahan dan perniagaan berbanding keluasan keseluruhan TOD dan ZPT</p> <p>ZPT 400M</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perumahan – 43.46 ekar 2. Komersial – 5.16 ekar 3. Total Keseluruhan – 123.18 ekar <p>ZPT 0-1500M</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perumahan – 626.43 ekar 2. Komersial – 99.58 ekar 3. Total keseluruhan – 1,747.62 ekar <p><i>*Nota: sila rujuk pada Lampiran 10</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mempunyai pelbagai guna tanah dalam kawasan ZPT ✓ Mempunyai potensi pembangunan masa hadapan berdasarkan keluasan tanah kosong dan pembangunan semula.
2.	Ciri-ciri Pembangunan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menawarkan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan bagi kawasan pusat tempatan bandar dan kejiranan. 2. Menawarkan aktiviti pekerjaan, perdagangan dan mengandungi campuran pusat kediaman, pejabat, perniagaan dan hiburan. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Kawasan bandar ✓ Pusat Petempatan bandar dan Kejiranan ✓ Pusat Komuniti





Sambungan

Jadual 3.1: Dapatan kajian rintis TOD terhadap Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong

Bil	INDIKATOR TOD	ANALISIS & PENEMUAN (<i>FINDING</i>)	KETERANGAN
e) RANGKAIAN LALUAN PEJALAN KAKI			
1.	Laluan Pejalan Kaki	<ol style="list-style-type: none">1. Tiada laluan pejalan kaki yang khusus selain laluan pejalan kaki di tepi bahu jalan-jalan utama.2. Tiada laluan pejalan kaki berbumbung.	Laluan pejalan kaki di Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Sungai Dua dan Jalan Aziz Ibrahim
2.	Kesaling hubungan	<ol style="list-style-type: none">1. Tiada rangkaian laluan pejalan kaki yang menyeluruh2. Tiada laluan pejalan kaki yang merintang jalan-jalan utama seperti jejantas, zebra crossing dan lain-lain selain terdapat di persimpangan jalan sahaja	Dalam kawasan TOD





Sambungan

Jadual 3.1: Dapatan kajian rintis TOD terhadap Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong

Bil	INDIKATOR TOD	ANALISIS & PENEMUAN (FINDING)	KETERANGAN
f)	KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KENDERAAN		
1.	<p>Sistem Tempat Letak Kenderaan (Jenis, Kapasiti dan Bilangan serta pengurusan)</p> <p>KEPERLUAN TLK;</p> <ol style="list-style-type: none"> Polisi sokongan Transit/TOD Keperluan parkir Penetapan Harga Tempat Letak Kereta Strategi Pengurusan Parkir 	<ol style="list-style-type: none"> Sistem tempat letak kereta (TLK) yang berpusat, kaedah manual (bayaran) dan masih terdapat kekurangan bilangan TLK @ TOD 400m berjumlah 45 unit TLK. TLK berdekatan adalah di luar Terminal Bas Ekspres iaitu berhadapan dengan Tapak Pesta berjumlah 250 unit TLK (pemilikan tapak pesta/MBPP) Masih terdapat kenderaan persendirian dan bas ekspres yang meletak kenderaan di luar terminal (di bawah jejantas, di tepi Jalan Sultan Azlan Shah dan Jalan Sg. Dua). 	<p><u>Galakan Penggunaan Pengangkutan Awam;</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Penyediaan lebih banyak <i>Park and Ride</i> Menyediakan rangkaian jalan kaki yang selesa dan selamat Meningkatkan kemudahan hentian bas dan teksi yang selesa Penyediaan lebih banyak laluan bas Penyediaan laluan basikal




Foto 2.0: Kawasan perletakkan kenderaan di sekitar Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong



Sambungan

Jadual 3.1: Dapatan kajian rintis TOD terhadap Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong

Bil	INDIKATOR TOD	ANALISIS & PENEMUAN (FINDING)	KETERANGAN
g) KEMUDAHAN AWAM (MASYARAKAT)			
1.	Guna tanah kemudahan awam sedia ada	<p>Kemudahan masyarakat masih tidak mencukupi sekiranya mengambil kira keperluan di kawasan TOD dan zon pengaruh transit (ZPT)</p> <ol style="list-style-type: none"> ZPT 400m -34.14 ekar (123.18 ekar) ZPT 401-800m – 26.06 ekar (362.82 ekar) ZPT 801-1,500m – 170.97 ekar (1,249.80 ekar) 	<p>Maklumat kemudahan masyarakat dalam kawasan TOD dan ZPT;</p> <ol style="list-style-type: none"> ZPT 400m – 4 ZPT 401-800m – 6 ZPT 801-1500m -16 <ul style="list-style-type: none"> ✓ Sekolah Rendah ✓ Sekolah Menengah ✓ Klinik Kesihatan ✓ Masjid ✓ Surau ✓ Perkuburan ✓ Gereja ✓ Tadika ✓ Kuil/Temple
2.	Keperluan kemudahan awam pada masa hadapan	<p>Namun begitu GPP TOD 2018 menunjukkan kawasan ZPT berpotensi menambahkan lagi bilangan kemudahan masyarakat khususnya sekolah, klinik kesihatan, tadika, masjid, surau dan lain-lain lagi</p>	<p><i>*Nota: sila rujuk pada Lampiran11</i></p>





Jadual 3.2: Keseluruhan Jenis Guna Tanah dalam Zon Pengaruh Transit (0 – 1500 m)

ZON PENGARUH		ZON 0-1500 Meter	
Jenis Guna Tanah		Luas (H)	Peratus (%)
1	Badan Air	30.19	4.27
2	Hutan	29.37	4.15
3	Industri	1.65	0.23
4	Infrastruktur dan Utiliti	3.05	0.43
5	Institusi dan Kemudahan Masyarakat	93.55	13.23
6	Komersial	40.30	5.70
7	Pengangkutan	147.54	20.86
8	Perumahan	253.51	35.85
9	Tanah Kosong	51.11	7.23
10	Tanah Lapang dan Rekreasi	56.96	8.05
Jumlah		707.24	100.00





BAB 4

PENUTUP





4.1 PENUTUP

Secara keseluruhannya, didapati **TERMINAL BAS EKSPRES SUNGAI NIBONG BERPOTENSI UNTUK DI NAIK TARAF KEPADA STESEN TRANSIT TOD BERINTENSITI TINGGI ATAU PUN BERINTENSITI SENDERHANA** (Bergantung kepada rangkaian laluan LRT dan stesen TOD termasuk transit pertukaran mod pengangkutan yang dicadangkan nanti).

Pembangunan TOD ini dapat meningkatkan kesejahteraan dan kelangsungan penduduk di sekitar kawasan tersebut. Keperluan penyediaan kemudahan pejalan kaki dan basikal yang baik menggalakkan aktiviti yang sihat di kalangan masyarakat setempat. Selain itu, penyediaan kemudahan masyarakat yang pelbagai berhampiran kawasan transit ini turut menyumbang kepada pilihan mobiliti yang tinggi.

TOD di kawasan ini juga turut memberi kelebihan terutamanya dalam aspek ekonomi. Asas pembangunan transit yang menjadi tunjang kepada pembangunan TOD merupakan aset bagi pembangunan ekonomi dalam jangka masa yang panjang. Penyediaan transit ini membantu pihak berkepentingan untuk meraih keuntungan yang banyak kerana penggunaan kemudahan transit ini mendapat sambutan pengguna yang amat tinggi pada setiap waktu.


Kemudahan pengangkutan awam yang lengkap dan membantu penduduk bergerak di dalam komuniti dengan kurang pergantungan terhadap kenderaan persendirian telah mengurangkan juga pencemaran udara dan tenaga. Aktiviti seperti berbasikal dan berjalan kaki di dalam kawasan pembangunan TOD ini turut menggalakkan gaya hidup yang dapat mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar. Kecekapan penggunaan tenaga yang diperbaharui melalui penyediaan kemudahan transit ini mewujudkan kawasan kejiranan yang selamat dan hijau. Oleh itu, ditunjukkan juga Senarai Semak Penilaian Cadangan Transit Pengangkutan Awam Bagi Pelaksanaan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) Negeri Pulau Pinang dalam **Lampiran 12**.





LAMPIRAN





PETUNJUK:


- TAPAK TERMINAL BAS SG. NIBONG
- JARAK ZPT DARI TRANSIT

Sumber: Imej Satelit (Google Earth, 2023)

LAMPIRAN 1

**PELAN ZON PENGARUH TRANSIT TOD –
TERAS (0 - 400M), UTAMA (400M - 800M) DAN
SEKUNDER (800M - 1,500M)**


DISEDIAKAN OLEH:
USAINS INFOTECH SDN BHD



NO.	NAMA PERSIMPANGAN
J1	Jalan Bukit Gambir (P127) / Jalan Pekaka 1
J2	Jalan Bukit Gambir (P127) / Lengkok Nipah
